

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 NOVEMBER 2022

AKHBAR : KOSMO

MUKA SURAT : 4

Ekonomi negara pada landasan terbaik



ISMAIL SABRI menunjukkan minilove kepada penduduk Kampung Bongkok ketika melawat Bilik Gerakan Kampung Bongkok, Bera semalam.

KDNK turut meningkat, kadar pengangguran menurun

Ekonomi negara pada landasan terbaik

Oleh ABDUL RASHID
ABDUL RAHMAN

BERA – Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, usaha memulihkan ekonomi negara berada pada landasan yang betul apabila pertumbuhan ekonomi negara yang dipacu dengan baik menunjukkan peningkatan.

Beliau berkata, ini dapat dibuktikan apabila Bank Negara Malaysia (BNM) mengumumkan pada suku ketiga tahun ini Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) meningkat kepada 14.2 peratus berbanding lima peratus dan 8.9 peratus masing-masing pada suku pertama dan kedua.

Malah katanya, kadar pengangguran juga menunjukkan trend penurunan iaitu 3.6 peratus pada September tahun ini berbanding 3.7 peratus pada bulan sebelumnya.

"Saya hendak buktikan bahawa tuduhan-tuduhan yang mengatakan kerajaan gagal memulihkan ekonomi dan sebagainya adalah satu tuduhan yang tidak berfakta sedangkan kita membuktikan berlaku peningkatan yang mendadak dalam KDNK negara.

"Malah pengangguran satu perkara dimomokkan seolah-olah rakyat tiada pekerjaan jadi angka-angka membuktikan kerajaan berjaya menurunkan kadar pengangguran," katanya dalam sidang akhbar pada program ramah mesra bersama penduduk Kampung Bongkok



ISMAIL SABRI (berbaju putih) ketika makan bersama Jemaah selepas menunaikan solat Jumaat di Masjid Bandar Triang, Bera semalam.
— IHSAN PEJABAT PERDANA MENTERI

di Bilik Gerakan Kampung Bongkok, di sini semalam.

Menurut Ismail Sabri, pertumbuhan KDNK negara merupakan yang tertinggi jika dibandingkan dengan negara lain di Asia Tenggara sekali gus membuktikan usaha peningkatan ekonomi dilakukan kerajaan adalah tepat.

Jika dibandingkan kadar KDNK bagi suku ketiga Singapura adalah 4.4 peratus, Indonesia (5.72 peratus), Filipina (7.6 peratus), Vietnam (13.67 peratus) dan China sebanyak 3.9 peratus.

Ismail Sabri menambah, trend penurunan kadar pengangguran negara adalah hasil

pelbagai program yang diperkenalkan kerajaan seperti program jamin kerja dan sebagainya.

Ujar beliau, perdagangan borong dan runcit negara juga menunjukkan peningkatan sebanyak 23.9 peratus pada September apabila mencapai RM134 bilion berbanding dalam tempoh yang sama tahun lalu sebanyak RM108.1 bilion.

"Ini bermakna ada peningkatan dari segi jualan perdagangan dan dari segi jualan runcit dan sebagainya seperti borong juga berlaku peningkatan dan saya harap itu memberikan gambaran bahawa rakyat masih mampu berbelanja," ujarnya.